

Speech By : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Title : UPACARA PERASMIAN SEMINAR PELAKSANAAN PENYUSUAN IBU
Location : FAKULTI PERUBATAN, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)
Date : 09-01-1982

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia;

Yang Berusaha Dekan Fakulti Perubatan UKM;

Presiden, Persatuan Siswa/Siswi Perubatan UKM;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekelian.

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana, dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama hadir di Majlis yang berbahagia ini. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Bahagian Hal Ehwal Wanita PERSIAP kerana menjemput saya ke Majlis ini serta memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Seminar Pelaksanaan Penyusuan Ibu yang dianjurkannya ini.

2. Di samping Seminar ini, saya difahamkan bahawa satu pameran mengenai penyusuan ibu juga sedang diadakan di Muzium Fakulti Perubatan Universiti ini.

Pameran ini tentu sekali dapat menjadikan Seminar ini lebih-lebih lagi bererti. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada PERSIAP, khususnya Bahagian Hal Ehwal Wanita, di atas daya usahanya mengadakan Seminar dan pameran yang begitu penting.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Kesihatan bayi ketika di dalam kandungan, dan seterusnya jagaan terhadapnya setelah dilahirkan, akan menentukan kesihatan dan kecerdasannya semenjak kanak-kanak hinggalah ke ketika dewasa dan ke akhir hayatnya. Perkara ini, walaupun mungkin diketahui umum tetapi kurang diberi perhatian yang sewajarnya.

4. Salah satu aspek penjagaan bayi yang telah lahir ialah pemakanannya. Ilmu kesihatan moden serta penyelidikan membuktikan bahawa susu ibu bukan sahaja mempunyai zat-zat yang diperlukan dan khasiat yang begitu istimewa untuk bayi malah dari segi saikologi ia dapat menjalin hubungan kasih-sayang yang erat antara anak dan ibu.

5. Susu ibu mengandungi semua zat dan bahan yang diperlukan oleh seseorang bayi. Ia adalah bahan tulen yang mempunyai berbagai hikmat yang menjadi kurniaan Allah kepada kita.

Di dalam Islam kedudukan susu ibu adalah amat penting. Ibu bukan sahaja dikehendaki menyusukan anaknya malah Islam juga menentukan peraturan penyusuan dan hubungan ibu dengan kanak-kanak yang disusukan.

6. Di zaman kita ini seseorang ibu mempunyai pilihan sama ada untuk menyusukan anaknya dengan susunya sendiri ataupun dengan susu tiruan. Sebenarnya tidak ada satu susu tiruan yang dapat menandingi mutu susu ibu. Tetapi hakikat ini kurang mendapat perhatian kerana persaingan daripada pengeluar-pengeluar susu tiruan. Keadaan ini dapat diatasi sekiranya terdapat pengetahuan yang lebih di kalangan ibu-ibu dan masyarakat amnya dan di sinilah letaknya peranan doktor-doktor, kakitangan hospital dan klinik serta pemimpin-pemimpin masyarakat.

7. Di zaman kita ini juga amalan penyusuan ibu telah menjadi bertambah kurang oleh kerana ibu-ibu yang bekerja. Di samping itu terdapat pula pendapat bahawa penyusuan juga dapat menjejaskan kecantikan ibu. Dalam hal ini yang menjadi masalah ialah sikap ibu-ibu sendiri yang begitu terpengaruh dengan iklan-iklan dan berita-berita yang didorongkan oleh objektif "commercial." Sebenarnya amalan penyusuan oleh ibu boleh dirancangkan walaupun bagi ibu yang bekerja, malah boleh menjimatkan pula. Tetapi ini tidaklah mengenenikan sama sekali masalah yang dihadapi oleh ibu yang bekerja dalam konteks negara kita yang pesat membangun dan di mana individu-individu dalam masyarakat mempunyai berbagai-bagai masalah sosio-ekonomi. Masalah yang dihadapi oleh ibu yang bekerja perlulah diberi perhatian dan diatasi supaya ia tidak menjejaskan sumbangan wanita di dalam pembangunan.

8. Oleh itu amalan penyusuan ibu adalah amat penting dari segi pembentukan perkembangan rohani dan jasmani seseorang individu. Amalan penyusuan ibu akan menjamin wujudnya generasi yang sihat dan berkemampuan.

9. Dalam hal ini, kepentingan Seminar ini boleh dilihat dalam konteks yang lebih luas, iaitu konteks pembangunan negara. Pembangunan, dalam ertikata yang sebenarnya, bukanlah terhad kepada aspek-aspek jasmani atau material yang menjadi teras anggapan setengah-setengah pihak.

Pembangunan ialah apa yang terjadi kepada tubuh-badan, peribadi dan mental serta persekitaran yang diwujudkan yang dibuat terhadap pembangunan keseluruhannya menjadi begitu terhad. Bagi saya, seseorang doktor ataupun bakal doktor, harus melihat peranan profesionalnya di dalam konteks yang luas ini, iaitu konteks pembangunan, supaya sumbangannya kepada masyarakat akan menjadi lebih berkesan.

11. Tujuan utama Seminar ini ialah untuk menyebarkan pengetahuan secara meluas dan juga dengan cara yang berkesan mengenai kebaikan amalan penyusuan ibu. Seminar yang dianjurkan oleh

bakal-bakal doktor ini, saya yakin bukan sahaja akan memberi dorongan kepada bakal-bakal doktor untuk berusaha meningkatkan amalan penyusuan ibu di kalangan masyarakat kita tetapi juga akan menghasilkan cara-cara yang lebih efektif dalam menimbulkan kesedaran dikalangan masyarakat, terutamanya masyarakat kaum ibu mengenai kebaikan susuan ibu berbanding dengan apa jua cara penyusuan yang lain.

12. Tidak ada gambaran yang amat murni dan suci dari seorang ibu yang menyusukan anaknya sendiri. Dengan memeluk anaknya rapat ke badan dan sambil mengalir air susu ibu kepada anaknya tentu juga mengalir kasih sayang ibu. Dengan susuan ibu sahajalah semua kemahuan asas bayi dapat disempurnakan untuk ia hidup cergas dan selesa semasa dewasa kelak.

13. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada PERSIAP dan berharap Seminar ini akan mencapai kejayaannya dan dengan ini juga saya merasmikan Seminar ini.

Wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.